

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 29 MEI 2023
AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA
MUKA SURAT : 1 & 2

Kejatuhan ringgit tingkatkan inflasi

Kejatuhan ringgit tingkatkan inflasi

Oleh AHMAD FADHLULLAH
ADNAN
fadhlullah.adnan@mediamulia.com.my

PETALING JAYA: Kejatuhan drastik mata wang ringgit berbanding dolar Amerika Syarikat (AS) sepanjang minggu lalu pada paras terendah dalam tempoh enam bulan tahun ini dikehujat meningkatkan kadar inflasi, seterusnya meningkatkan harga barang makanan

Perlu diurus dengan cepat elak situasi ekonomi lebih buruk

dan minuman.

Lebih membimbangkan, Malaysia bukan lagi menjadi pilihan utama pelabur asing

untuk menjalankan urusniaga berbanding tiga negara ASEAN iaitu Vietnam, Indonesia dan Filipina.

Selain dasar tiga negara itu dilihat lebih konsisten berbanding Malaysia dalam menarik pelaburan langsung asing (FDI), ia juga berkait rapat dengan persengketaan ahli-ahli politik sehingga membawa kepada ketidakstabilan politik sekali gus menjelaskan keyakinan pe-

labur.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, Penganalisis Ekonomi UniKL Business School, Prof. Madya Dr. Aimi Zulhazmi Abdul Rashid berkata, semua pihak sudah maklum kejatuhan ringgit disebabkan faktor luar negara, namun ia harus diuruskan dengan cepat dan strategik.

Bersambung di muka 2

Kejatuhan ringgit tingkatkan inflasi

Dari muka 1

Beliau berkata, tindakan pantas Bank Negara Malaysia (BNM) dan kerajaan diperlukan untuk mengelakkan situasi bertambah merisaukan.

"Sekiranya dibiarkan kepada kuasa pasaran menentukan hala tuju, ditakuti akan memberikan kesan negatif kepada ekonomi negara secara keseluruhannya.

"Kepada pengekspor mungkin ini masa terbaik untuk mengaut keuntungan, tetapi untuk barang-barang yang diimport terutamanya barang makanan hampir RM55 billion hingga RM60 billion setahun, kejatuhan ringgit akan membebankan dan meningkatkan kadar inflasi terutama inflasi teras iaitu berkenaan harga barang makanan dan minuman.

"Oleh itu, harga barang perlu distabilkan, begitu juga nilai mata wang supaya mudah untuk masyarakat peniaga mahupun pengguna membuat perancangan tanpa kejutan yang tidak dapat ditangani," katanya ketika dihubungi semalam.

Sebelum ini akhbar ini melaporkan, ringgit terus jatuh dan mencecah RM4.6 berbanding dolar Amerika (AS) iaitu paras terendah dalam tempoh enam bulan tahun ini.

Bagaimanapun *Mingguan Malaysia* semalam melaporkan, penganalisis ekonomi berpendapat, sekiranya bukan masa yang sesuai menambat mata wang ringgit seperti pernah dilakukan ketika krisis kewangan Asia pada 1997 kerana ia bakal mengheret negara kepada ketidaktentuan pasaran kewangan dan ekonomi.



Koordinasi mata wang ringgit perlu dilakukan secepat mungkin seperti memastikan pembayaran eksport dalam mata wang asing ditukar secepatnya ke dalam ringgit."

AIMI ZULHAZMI

Ini kerana tambatan mata wang itu mempunyai risiko dan bukan langkah terbaik untuk ekonomi Malaysia.

Mengulas lanjut, Aimi Zulhazmi berkata, kecukupan pengurusan kerajaan dan BNM sudah pasti dapat memberikan keyakinan juga kepada para pelabur kepada Malaysia.

Katanya, ini kerana para pelabur tidak mungkin malu melabur di negara yang nilai mata wangnya terus jatuh, kerana ia akan memberikan kesan kepada pulangan pelaburan dan kerugian dari segi mata wang asing sewaktu penukaran nanti. "Koordinasi mata wang ringgit perlu dilakukan secepat mungkin seperti memastikan pembayaran eksport dalam mata wang asing ditukar secepatnya ke dalam ringgit.

"Kedua, memastikan pulangan pelaburan syarikat berkaitan kerajaan (GLC) dan syarikat pelaburan berkaitan

kerajaan (GLIC) di luar negara dibawa peluang untuk menguatkan nilai mata wang.

"Ketiga, memastikan pengurangan jumlah import dan meningkatkan jumlah eksport untuk memastikan lebihan dagangan negara berterusan," katanya.

Beliau menambah, untuk langkah jangka panjang, simpanan atau rizab BNM juga mesti dipelbagaiakan jenis mata wang asing seperti yang dilakukan oleh Penguasa Kewangan Singapura (MAS).

"Kita boleh mengkaji dan belajar bagaimana pihak MAS Singapura berjaya menguruskan mata wangnya yang terus kukuh dan lebih seimbang dengan pengukuhan mata wang dolar AS.

"Selain itu, rizab juga boleh dikembangkan dengan penambahan emas dan perak sebagai komoditi logam yang sentiasa bertindak sebagai pelaburan yang lebih tinggi dari kadar inflasi," katanya.

Mengenai kegagalan negara menarik FDI, Penasihat Utama Pusat Penyelidikan Pasifik Malaysia, Dr. Oh Ei Sun berkata, semua pihak perlu menerima hakikat bahawa tiga negara ASEAN iaitu Vietnam, Indonesia dan Filipina mengatasi Malaysia dalam menarik pelabur asing.

"Puncanya? Dasar kita kerap berubah walaupun dalam kerajaan yang sama. Malah, pekerja kita juga tidak dilihat sebagai mereka yang bekerja keras seperti negara jiran itu.

"Misalnya, Program Malaysia Rumah Kedua (MM2H) yang banyak sangat berubah-ubah. Sehingga kini warga asing juga tidak tahu apa polisi terkini, dan pesertanya kebanyakannya semua merungut.